

**ATROXENE**  
GEL UNTUK SENDI DAN OTOT

**PERHATIAN  
JEMAAH HAJI!**



"Saya menggunakan **ATROXENE FLEX** selama 46 hari di Mekah untuk mengerjakan ibadah haji. Alhamdulillah, **ATROXENE FLEX** sangat membantu memberi kekuatan kepada sendi dan otot saya."

"Saya juga gemar melakukan aktiviti lasak seperti mendaki gunung dan saya sering menggunakan **ATROXENE FLEX** setiap kali mendaki."

"Kini saya rasa lebih bebas untuk bergerak."

- Hajjah Noor Shamsiah, 59 tahun-

Zaitunkan Sendi Anda dengan...  
**ATROXENE FLEX**

Membantu Mengurangkan Sakit Sendi & Otot

Khasiat minyak zaitun semulajadi Atroxene Flex yang telah diozonkan dapat membantu melancarkan aktiviti harian anda.

**CARING PHARMACY**, **HEALTH LANE**, **Vitacare**, **alpro**, **CONSTANT**, **SIANG**, **George J**

Dapatkan Atroxene Flex sekarang untuk orang yang tersayang di Farmasi berdekatan anda.

Diedarkan oleh: **FARMASIA**  
Farmasia Sdn Bhd 072551-04  
Tel: 03-8925 1888  
www.farmasia.com.my

**Najib ucap takziah kepada mangsa gempa bumi di Sichuan, China**

**KUALA LUMPUR** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam menyampaikan ucapan takziah kepada kerajaan Republik Rakyat China dan mangsa gempa bumi kuat di wilayah Sichuan pada Selasa lalu.

"Takziah kami kepada kerajaan dan rakyat China terutama mereka yang terjejas akibat gempa bumi di Sichuan," menurut catatan terbaharu Najib dalam laman Twiternya malam kelmarin.

Media antarabangsa melaporkan bahawa sekurang-kurangnya 19

orang maut dan 247 cedera dalam gempa bumi yang bermagnitud 7.0 mengikut skala Richter.

Gempa bumi itu menggagalkan wilayah Zhaigou pada pukul 9.19 malam Selasa (waktu Beijing) dan pusat gempa adalah 33.2 darjah latitud utara serta 103.82 darjah longitud timur.

Gempa itu berlaku pada kedalaman 20 kilometer, menurut Pusat Rangkaian Gempa Bumi China. - Bernama



KERATAN Kosmo! semalam.

Aplikasikan ilmu demi kesejahteraan negara  
**Kuasai teknologi canggih**

**PUTRAJAYA** - Keupayaan untuk melihat terkedepan melalui kajian strategik masa hadapan semakin penting menuju ke arah matlamat Transformasi Nasional 2050 (TN50), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya, beliau begitu teruja apabila Jabatan Perkhidmatan Awam menggunakan pakai metodologi pandangan jauh dalam penyediaan pelan strategiknya dengan kerjasama Malaysian Foresight Institute dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Ini memperlihatkan keupayaan negara mengaplikasi ilmu dan teknologi demi kesejahteraan rakyat dan negara. Syabas," katanya semasa mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara di sini semalam.

Selain itu, Najib berkata, pelancaran projek Transit Aliran Massa laluan pertama pada 17 Julai lepas juga merupakan kejayaan kerajaan dalam membawa perubahan landskap bukan sahaja pem-



NAJIB mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya semalam. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (kiri) dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

bangunan negara malah mobiliti awam yang lebih moden dan akan dinikmati oleh 1.2 juta penduduk Malaysia.

Najib berkata, tiga kertas pertimbangan yang dibentangkan pada mesyuarat itu membincangkan perkara dan isu masa hadapan iaitu

Revolusi Industri keempat, Kerja Masa Hadapan serta Keselamatan Siber.

Katanya, keupayaan untuk menguasai teknologi termasuk mengeksploitasi dan meneroka teknologi disruptif adalah penting untuk mentransformasikan pelbagai sektor ekonomi negara.

"Ini bagi memastikan negara terus mengorak langkah dan tidak ketinggalan dalam persaingan yang menjejaskan pembangunan, ekonomi negara, kesejahteraan serta keselamatan rakyat," katanya. - Bernama

**Pembuli perlu dikenakan hukuman berat**

**PASIR PUTEH** - Hukuman paling berat wajar dikenakan terhadap pelajar yang terlibat dengan kegiatan buli di sekolah atau kolej selepas perbuatan itu semakin serius sejak kebelakangan ini.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, beliau berasa kecewa dan sedih kerana perbuatan buli masih berlaku walaupun pihak Kementerian berusaha untuk menangani

masalah tersebut.

"Kes ini semakin serius dan kita perlu mengambil tindakan paling keras terhadap pembuli. Tidak boleh hanya gantung 10 hari atau buang dari sekolah," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita dan Pemuda UMNO Bahagian Pasir Puteh di Kompleks UMNO Uthmaniyah, Kampung Pulau Lima di sini semalam.



MAHDZIR



KERATAN Kosmo! semalam.

**Kosmo!** semalam melaporkan seramai 20 pelajar Kolej Vokasional Wakaf Tembesu di Kuala Nerus, Terengganu membelasah tiga rakan se-

asrama dalam dua insiden berasingan pada malam Isnin dan awal pagi Selasa lalu.

Lagi berita di muka 8